



**AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **210201 dan 220202 (Peralatan Dan Kelengkapan Telekomunikasi)** bagi menyertai sebut harga tersebut :

No Sebut Harga	Tajuk	Kod Bidang Pendaftaran
APMM/300/HM(I)/005/2014	Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 4 Unit Sistem Telefon IP-PABX Untuk Kegunaan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Perdana Menteri	210201 210202

1. Dokumen-dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun daripada laman web ePerolehan (www.ePerolehan.gov.my). Arahan Kepada Penyebut Harga adalah seperti di **Lampiran A**. Penyebut harga adalah diminta untuk menyemak dan meneliti spesifikasi serta syarat-syarat lain yang dinyatakan sebelum menawarkan harga. Untuk sebarang maklumat tambahan, sila hubungi **Encik Mohd Sholihin Bin Abdullah** di talian **03-8995 7000**.
2. Tawaran ePerolehan adalah wajib dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan dan dokumen-dokumen berkenaan dimuat-naik ke sistem ePerolehan **tidak lewat pada 20 Jun 2014 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**.
3. Dokumen tawaran yang perlu dihantar secara manual hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di:-

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 4, One IOI Square, IOI Resort
62502 PUTRAJAYA

tidak lewat pada 20 Jun 2014 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari.

4. Sila lihat **Lampiran E** untuk memastikan dokumen-dokumen yang perlu dihantar dan dimuat naik.

Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

Kadar 0.8% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (one off payment).

Kadar 0.4% Fi Perkhidmatan bagi setiap transaksi tertakluk kepada had maksimum bernilai RM4,800.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih bagi perolehan atau kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (multiple payments) samada melalui Jadual Penghantaran, Pencapaian Perkhidmatan atau berdasarkan permintaan yang ditetapkan dalam tempoh kontrak.